



KERAJAAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN

PEKELILING SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR (SEKSYEN PIHAK BERKUASA TEMPATAN) SPBT BIL. 2 / 2011

PELAKSANAAN KEMPEN KESEDARAN KITAR SEMULA SERTA PENGURANGAN PENGGUNAAN BEG PLASTIK DAN POLISTERIN DI BANGUNAN-BANGUNAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR

1. TUJUAN

Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memberi penjelasan dan panduan kepada semua jabatan di bangunan-bangunan Kerajaan Negeri Selangor mengenai Pelaksanaan Kempen Kesedaran Kitar Semula Serta Pengurangan Penggunaan Beg Plastik Dan Polisterin Di Bangunan-bangunan Kerajaan Negeri Selangor yang telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Selangor.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Kempen Hari Tanpa Beg Plastik telah berjaya dilaksanakan pada setiap hari Sabtu di semua pasaraya yang terlibat di Negeri Selangor dan sambutan yang diterima adalah amat menggalakkan daripada semua pihak yang mana melibatkan pengusaha pasaraya dan pengguna di Selangor.
- 2.2 Lanjutan daripada itu, Kerajaan Negeri telah memutuskan untuk melaksanakan kempen ini di bangunan-bangunan Kerajaan Negeri Selangor dengan penambahan beberapa kempen lain iaitu kempen kitar semula dan kempen kesedaran pengurangan penggunaan elektrik.
- 2.2 Selaras dengan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 18/2011 yang diadakan pada 18 Mei 2011 dan disahkan oleh MMKN ke 19/2011 pada 1 Jun 2011 telah menimbang dan meluluskan Cadangan Kempen Kesedaran Kitar Semula dan Pengurangan Penggunaan Beg Plastik dan Polisterin di Bangunan-bangunan Kerajaan Negeri Selangor.
- 2.3 Matlamat utama kempen ini adalah untuk memberi kesedaran kepada penjawat-penjawat awam di Negeri Selangor mengenai kepentingan pemuliharaan alam sekitar dan meningkatkan kualiti alam sekitar.

3. ARAHAN KERAJAAN NEGERI

3.1 Kempen Bagi Mengurangkan Penggunaan Beg Plastik Dan Polisterin

- i. Kerajaan Negeri di bawah Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar telah bersetuju untuk mengadakan Hari Tanpa Beg Plastik dan Polisterin secara berperingkat.
- ii. **Peringkat pertama** akan dijalankan bermula Julai 2011 sehingga Disember 2011 di mana penggunaan polisterin dan plastik di gerai-gerai dan kafeteria di dalam bangunan - bangunan Kerajaan Negeri adalah tidak dibenarkan pada setiap Jumaat.
- iii. **Peringkat kedua** akan dijalankan pada setiap Isnin dan Jumaat bermula pada bulan Januari 2012 sehingga bulan Jun 2012.
- iv. Penyediaan makanan bagi program-program kerajaan hendaklah dibuat secara “***buffet***” ataupun pembungkusan makanan hendaklah menggunakan **bekas guna semula/bekas mesra alam sahaja**.

3.2 Hari Kitar Semula Kertas Terpakai

- i) Bagi memastikan kertas-kertas terpakai dapat dilupuskan dengan cara yang betul, Kerajaan Negeri di bawah Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar bersama-sama Bahagian Khidmat Pengurusan Bangunan SSAAS telah bersetuju untuk menganjurkan "Hari Kitar Semula Kertas" pada setiap **Hari Khamis** di Bangunan SSAAS.
- ii. Bagi memastikan objektif kempen ini dapat dicapai, semua jabatan di Bangunan SSAAS perlu mempunyai langkah yang strategik dalam mengumpul kertas-kertas terpakai pejabat masing-masing untuk di kitar semula pada hari Khamis.
- iii. Hasil pembelian kertas – kertas terpakai oleh syarikat yang akan bertanggungjawab dalam mengutip kertas-kertas terpakai ini boleh dimasukkan ke dalam Duit Kelab atau Duit Jabatan masing-masing untuk kegunaan semua ahli.

3.3 Kempen Kesedaran Pengurangan Penggunaan Elektrik

- i. Kerajaan Negeri di bawah Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar sememangnya prihatin terhadap kos perbelanjaan bagi penggunaan elektrik yang tinggi di Bangunan-bangunan Kerajaan Negeri.

- ii. Oleh yang demikian, langkah-langkah seperti berikut perlu dilaksanakan oleh semua jabatan di Bangunan-bangunan Kerajaan Negeri Selangor :-
- Pastikan semua peralatan elektrik termasuk lampu dan komputer hendaklah dipadamkan sebelum meninggalkan pejabat.
 - Pastikan alat penyaman udara (*split aircond*) ditutup sekiranya tidak digunakan.
 - Menutup semua suis lampu dan pendingin udara semasa waktu rehat.
 - Memastikan suis lampu dan pendingin udara di bilik pegawai sentiasa ditutup sekiranya tidak digunakan.
 - Menggunakan lampu jenis jimat tenaga (*energy saving*) sebagai ganti bagi lampu-lampu yang rosak.
 - Perlu memastikan pendingin udara sentiasa diselenggara mengikut jangka masa yang sepatutnya.

3. TARIKH KUAT KUASA

3.1 Pekeliling ini berkuat kuasa serta-merta mulai daripada tarikh ia dikeluarkan.

4. PEMAKAIAN

- 4.1 Semua jabatan di bawah Kerajaan Negeri Selangor termasuk Pejabat-pejabat Tanah dan Daerah, Badan-badan Berkanun Negeri, Pihak-pihak Berkuasa Tempatan (PBT), dan Anak-anak Syarikat di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor hendaklah melaksanakan arahan seperti yang tertakluk pada pekeliling ini.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Wesleyanuud ..
(DATO' HAJI MOHAMMED KHUSRIN BIN HAJI MUNAWI)
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

Tarikh : **30/6/2011**

s.k:- Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor

Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan)

Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pengurusan)